

Demi hubungan baik Pusat-Negeri **Barisan perlu kuasai semua**

Oleh **KHAIDIR AHMAD**

KUCHING, Jumaat — Barisan Nasional (BN) perlu memerintah semula semua 13 negeri bagi mengekalkan hubungan baik dengan Kerajaan Pusat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, ini penting kerana hubungan baik antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri hanya dapat diwujudkan melalui pemerintahan satu parti, iaitu BN.

Oleh itu, beliau menyeru rakyat memastikan BN menguasai semua kerajaan negeri.

"Jika kita mahu menentukan masa depan kita, maka amat penting sekali kita juga menentukan bawha perhubungan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri melalui satu parti BN ini dapat diteruskan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira 2,000 wakil masyarakat pelbagai kaum di negeri ini yang menunggu ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini, petang ini.

Beliau diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kerajaan BN tidak mengutamakan mana-mana kumpulan, kaum atau negeri, walaupun semua 13 negeri di negara ini mempunyai kebudayaan, adat resam dan kerajaannya sendiri.

Ini, katanya, kerana sistem kerajaan yang diwujudkan di negara ini sejak merdeka memberi keutamaan kepada semua kaum dan negeri.

"BN tidak mengutamakan mana-mana kumpulan, kaum atau negeri kerana kita mahu negara kita dibangunkan bersama dan semua rakyat menikmati kebaikan yang ada.

"Misalnya, Kuching atau Sarawak pesat membangun sejak merdeka... ini dapat dicapai kerana sistem kerajaan yang wujud di negara ini memberi tempat kepada semua kaum dan inilah hasrat BN," katanya.

Beliau berkata, Malaysia terus membangun tanpa perselisihan yang besar, walaupun setiap negeri mempunyai kerajaannya sendiri kerana umumnya menganggap diri mereka sebagai satu bangsa Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kejayaan ini menyebabkan Malaysia kini terkenal di seluruh dunia sebagai contoh kepada negara membangun untuk membangunkan negara masing-masing hingga mencapai tahap kemajuan yang tinggi seperti negara ini.

Mengenai Sukan Malaysia (Sukma) yang ditutup dengan rasminya malam ini, Datuk Seri Dr Mahathir berharap tali persaudaraan yang dijalin sewaktu kejohanan itu dapat dikekalkan.

Ini, katanya, supaya rakyat dapat bersama-sama membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, walaupun penduduknya berbilang kaum dan mempunyai kelainan di segi kebudayaan, bahasa dan adat resam.